

15 KESAN PENGLIBATAN PELAJAR MENENGAH 1 EKSPRES DALAM PEMBELAJARAN KATA ADJEKTIF MELALUI KOD QR

Nur Azah Ismail
nur_azah_ismail@moe.edu.sg

Siti Farhana Abdullah
siti_farhana_abdullah@moe.edu.sg

Siti Faridah Omar
siti_faridah_omar@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Woodgroove

ABSTRAK

Pengajaran dan Pembelajaran yang berpusatkan pada pelajar yang berteraskan ICT amat ditekankan bagi mempersiapkan pelajar dalam menyahut cabaran abad ke-21. Dengan adanya pengetahuan dan pengalaman dalam penggunaan ICT, pelajar mendapat peluang untuk belajar secara sendiri dan memperdalam pemahaman mereka tentang sesuatu topik pengajaran. Berdasarkan pemantauan guru, pengajaran Kata Adjektif yang menggunakan ICT dapat ditambah nilai sekiranya pengajaran berbentuk *Self-Directed Learning* (SDL) dan *Collaborative Learning* (CoL) diterapkan. Justeru, penglibatan secara aktif dalam kalangan pelajar dapat dikesan kerana aspek pembelajaran sendiri secara berkumpulan akan pasti meningkatkan minat belajar. Perisian Kod QR telah diterokai dan digunakan sebagai alat ICT dalam pengajaran Kata Adjektif. Seramai 17 orang pelajar Menengah 1 Ekspres dari Band 1 telah terlibat dalam satu aktiviti pembelajaran bahasa Melayu iaitu, Jejak Kod QR: Fiesta Buah-Buahan. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih berminat dalam pembelajaran.

Kata kunci

Pembelajaran Kendiri Terarah, Pembelajaran Kolaboratif, ICT



PENGENALAN

Menurut Melvina & Jamaludin (2010), penggunaan ICT telah membawa arus perubahan dan meninggalkan "...kesan yang besar ke atas anjakan perubahan sistem dan pengurusan pendidikan di negara-negara yang sedang membangun..." khususnya di dalam sistem pendidikan di Singapura. Kemajuan ICT memberi cabaran baharu kepada golongan para pendidik dan juga pelajar bagi mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Bidang pendidikan semakin memerlukan lebih ramai golongan pendidik yang mempunyai pengetahuan atau pengkhususan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran melalui anjakan paradigma di mana penggunaan ICT dapat mencetuskan kepelbagaian di dalam penyampaian sesuatu pengajaran. Melalui pendekatan atau teknik berbantuan komputer, guru berupaya mempertingkatkan minat serta merangsang minda pelajar pada zaman siber ini dan dianggap sebagai pemangkin dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. mengenal pasti keberkesanan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran Kata Adjektif melalui penggunaan Kod QR; dan
2. melihat sejauh mana pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan ICT melalui kaedah Pembelajaran Kooperatif dapat 'menghidupkan suasana pembelajaran di luar bilik darjah' dan menerapkan budaya kerjasama dalam kalangan pelajar.



PERMASALAHAN KAJIAN

Suasana pengajaran dan pembelajaran yang inovatif, interaktif serta kreatif, dapat mendorong pembelajaran, membantu mempertajam minda dan meningkatkan kepekaan pelajar dalam berkomunikasi serta memenuhi keperluan mengasah kemahiran bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Pembelajaran berpusatkan pelajar menjadi fokus utama dalam dunia pendidikan hari ini. Para pelajar diperlukan untuk menjadi pemikir yang kritis, kreatif serta sentiasa berdikari. Oleh yang demikian, guru perlu mempunyai kecekapan dan kemahiran merancang dan melaksanakan program-program pendidikan yang akan memenuhi keperluan pembelajaran dan profil pelajar yang telah berubah. Cara pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah harus dapat menarik perhatian pelajar. Untuk mencapai matlamat ini, guru harus berjaya merangsang dan menarik minat pelajar dahulu sebelum guru dapat menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dirancang.

Dalam aspek kemahiran bahasa yang dipelajari, daripada penelitian awal serta maklum balas menunjukkan kelemahan penguasaan dan pengetahuan mengenai Kata Adjektif dalam kalangan kumpulan pelajar.

KAJIAN LEPAS

Yahya & Roselan (2008) mengatakan bahawa teknologi telah dibuktikan dapat meningkatkan produktiviti, menambahkan motivasi, menyokong pengajaran secara tidak langsung, menyokong kebolehan pengajaran yang bersifat khusus dan meningkatkan literasi maklumat. Perkara yang sama ditekankan oleh Roblyer & Schwier (2003) tentang peranan ICT yang dapat membantu pembelajaran.

Mahzan Arshad (2005) pula menyatakan bahawa teknologi dalam pendidikan ialah suatu alat, prinsip dan pendekatan saintifik yang boleh digunakan dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan teknologi dan dapat membuka jalan kepada pelajar untuk menguasai atau memperoleh



matlamat pembelajaran yang telah dirancang oleh guru dalam melaksanakan sesuatu subjek dalam kurikulum.

Menurut Kagan (1992), antara kebaikan pembelajaran koperatif kepada pelajar ialah tahap motivasi yang lebih tinggi untuk berjaya kerana seseorang bukan sahaja mencapai kejayaan untuk diri sendiri, tetapi untuk rakan-rakan sekumpulan juga. Keadaan ini menyebabkan lebih masa ditumpukan pada sesuatu tugas dan akan meningkatkan pembelajaran.

Berdasarkan pada pandangan para pengkaji berkenaan keberkesanan pendekatan pembelajaran kolaboratif dan penekanan pada penggunaan ICT dalam pembelajaran, guru merancang pengajaran dan pembelajaran Kata Adjektif bagi merangsang pembelajaran. Guru meneroka penggunaan Kod QR dalam pembelajaran. Kod QR atau lebih dikenali sebagai *QR Code (Quick Response Code)* merupakan teknologi yang digunakan untuk berkongsi maklumat seperti laman internet, produk barangan dan info kenalan. Kod QR boleh diimbas menggunakan kamera yang dilengkapi peranti dan kod aplikasi QR bagi membolehkan pemprosesan yang tepat. Seperti untuk pengguna Android adalah dengan penggunaan *Barcode Scanner App* manakala dan pengguna iPhone menggunakan QR Reader untuk imbas. Setelah kod diimbas dan diproses, ianya akan membawa terus ke URL dalam peranti lalu menunjukkan segala maklumat yang dicipta dalam kod QR.

Slavin(1991), berpendapat bahawa kaedah pembelajaran koperatif akan memberi faedah kepada golongan yang berbeza kebolehan belajar dalam satu kumpulan. Kajian menunjukkan pembelajaran koperatif boleh meningkatkan pencapaian dan kemahiran kognitif pelajar. Jika dijalankan dengan sempurna, setiap pelajar mempunyai tanggungjawab untuk memahiri sesuatu sub-topik serta berpeluang berkongsi pengetahuannya dengan ahli kumpulan yang lain. Untuk tujuan ini, pelajar perlu benar-benar memahami sub-topik itu, bukan sekadar menghafal sesuatu topik. Ini mengakibatkan pemprosesan pada aras yang lebih tinggi, yang meningkatkan daya ingatan dan seterusnya membolehkan mereka menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Contohnya, dalam pembelajaran bahasa Melayu, setiap pelajar dalam sesebuah kumpulan mempunyai



peranan yang penting bagi memastikan setiap aktiviti yang dilakukan dapat dilaksanakan bersama dengan sebaik mungkin.

Kajian juga menunjukkan pembelajaran kognitif boleh memperbaiki kemahiran sosial pelajar. Ahli-ahli dalam kumpulan perlu bekerjasama untuk mencapai objektif pembelajaran. Secara tidak langsung, mereka perlu mempelajari atau memperbaiki kemahiran sosial mereka. Para pelajar dibolehkan berkomunikasi antara satu sama lain tanpa wujudnya diskriminasi. Teguran sesama ahli perlu dilakukan dengan sewajarnya agar dinamik kumpulan tidak terjejas dan gerak kerja berjalan lancar. Menurut Ahmad Md Sharif (1994), pengajaran dan pembelajaran yang dikatakan menarik ialah pengajaran dan pembelajaran yang mencabar dan berkesan terutama pengajaran yang berpusatkan pelajar. Ini memberi peluang kepada pelajar berinteraksi, mengalami dan menghayati proses pembelajaran yang lebih berkesan.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 17 orang pelajar sekolah menengah daripada Menengah 1 Ekspres (Band 1).

Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Kata Adjektif ini ialah borang soal selidik yang mengandungi 20 pernyataan masalah yang berbentuk Kuantitatif dengan penggunaan skala *Likert* empat poin iaitu Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Agak Setuju (AS), Agak Tidak Setuju (ATS), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS). Soalan-soalan ini memberi tumpuan pada proses pengajaran dan pembelajaran Kata Adjektif yang diajarkan kepada pelajar. Selain itu, aspek pemahaman pelajar pada topik Kata Adjektif, perasaan ketika melakukan aktiviti-aktiviti tersebut dan sejauh mana aktiviti tersebut dapat menarik minat dan meluaskan pengetahuan para pelajar juga ditinjau dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Prosedur Kajian

Bagi kajian ini, guru telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data-data maklumat. Melalui kaedah ini, guru dapat membuat deskripsi yang berkaitan dengan kajian. Setelah menjalankan rancangan pengajaran Jejak Kod QR, para responden akan melengkapkan borang soal selidik mengenai pengajaran tersebut. Guru akan mengumpulkan borang-borang tersebut untuk dianalisa untuk mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran Kata Adjektif melalui penggunaan Kod QR. Guru juga ingin melihat sejauh mana pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan ICT berbentuk Collaborative Learning (CoL) melalui kaedah Pembelajaran Kooperatif bukan sahaja untuk 'menghidupkan suasana pembelajaran di luar bilik darjah' malah untuk menerapkan budaya kerjasama dalam kalangan pelajar. Data-data yang diperoleh diharapkan dapat membantu pengkaji membuat rumusan sama ada kesemua objektif telah dapat dicapai sepenuhnya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sejumlah 17 borang soal selidik telah berjaya dikumpul dan dianalisis. Data yang diperoleh daripada soal selidik telah dikumpulkan dalam bentuk jadual dan graf bar untuk dianalisis. Data juga telah dianalisis dengan menggunakan pengiraan bentuk peratusan (%) dan carta melalui kaedah statistik deskriptif. Penganalisan data yang digunakan adalah bersesuaian untuk mendapatkan maklumat mengenai keberkesanan penggunaan Kod QR dalam pengajaran dan pembelajaran Kata Adjektif dalam kalangan para pelajar sekolah menengah.

Dapatan daripada borang soal selidik pelajar boleh diteliti dalam dua bahagian iaitu dari segi Kuantitatif dan Kualitatif. Bagi analisis kuantitatif, dapatan kajian menunjukkan respons yang positif terhadap penggunaan Kod QR dan penggunaan iPOD sebagai alat




bantu mengajar yang menarik. Dapatan kuantitatif ini juga menepati objektif pertama yakni untuk mengenal pasti keberkesanan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran Kata Adjektif melalui penggunaan Kod QR.

Soalan-soalan yang diajukan dalam borang soal selidik berkenaan dengan keberkesanan Kod QR adalah seperti yang berikut:

1. Soalan 4 : Saya berasa seronok melakukan aktiviti Kod QR.
2. Soalan 5 : Saya berasa seronok menggunakan iPOD.
3. Soalan 6 : Saya berupaya mencari informasi melalui iPOD.

Rajah 1 yang berikut menjelaskan peratusan respons pelajar berkenaan tiga soalan yang berkenaan keberkesanan Kod QR.

Rajah 1: Taburan Peratusan Maklum Balas Pelajar Bagi Soalan 4, 5 dan 6



Dalam Rajah 1 di atas, sebanyak 47% responden memberikan maklum balas Sangat Setuju (SS) kepada soalan-soalan S4, S5 dan S6. Ini menunjukkan bahawa para responden berasa seronok dapat melibatkan diri dalam aktiviti Jejak Kod QR yang dijalankan. Penggunaan iPOD bagi aktiviti ini juga menjadi tarikan bagi pelajar untuk meneroka perisian Kod QR dan menggunakan informasi yang diperolehi untuk melengkapkan aktiviti-aktiviti di dalam Jejak Kod QR ini.


Bagi soalan-soalan berikut pula, maklum balas daripada para responden telah dapat memenuhi objektif kedua iaitu untuk melihat sejauh mana pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan ICT berbentuk *Collaborative Learning* (CoL) melalui kaedah Pembelajaran Kooperatif bukan sahaja untuk ‘menghidupkan suasana pembelajaran di luar bilik darjah’ malah untuk menerapkan budaya kerjasama dalam kalangan pelajar.

Rajah 2 memperlihatkan taburan peratusan bagi maklum balas responden bagi Soalan 7, Soalan 8, Soalan 9 dan Soalan 10. Berikut adalah soalan-soalannya.

1. Soalan 7 : Saya dapat memahami penerangan teman-teman dengan jelas.
2. Soalan 8 : Saya mendapati bahawa idea yang dikongsi berguna dan menarik.
3. Soalan 9 : Saya dapat berkongsi informasi yang saya dapat bersama teman-teman.
4. Soalan 10: Saya dapat mencipta ‘Jingle’ mengenai buah-buahan bersama teman-teman.



Rajah 1: Taburan Peratusan Maklum Balas Pelajar Bagi Soalan 7, 8, 9 dan 10



Bagi Soalan 7, 8, 9 dan 10, peratusan maklum balas Setuju (S) yang diberikan responden mencecah di antara 40% hingga 60%. Para responden bersetuju bahawa aktiviti Jejak Kod QR ini telah memberi mereka peluang untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bekerjasama secara aktif di dalam kumpulan masing-masing. Nilai-nilai positif seperti menghormati pandangan teman-teman, saling bantu-membantu, memperlihatkan kesungguhan mereka bekerja sebagai satu kumpulan dan semangat berpasukan telah berjaya ditunjukkan oleh para pelajar semasa menjalankan aktiviti-aktiviti di setiap stesen di dalam aktiviti Jejak Kod QR ini. Pembelajaran di luar bilik darjah ini juga dapat menarik minat para pelajar kerana tidak terkongkong dan mereka dapat meneroka dan menimba ilmu pengetahuan dalam konteks persekitaran yang berbeza. Suasana dan konsep pertandingan juga dapat menggalakkan para pelajar untuk lebih bersungguh-sungguh dan menunjukkan kehairahan untuk melengkapkan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh guru.

Dapatan Kualitatif dilihat dari segi soalan yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Soalan tersebut adalah seperti yang berikut:



Nyatakan dua perkara yang telah kamu pelajari daripada aktiviti Jejak Kod QR : Fiesta Buah-Buahan

Berdasarkan dapatan pada soalan tersebut telah menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran Kata Adjektif telah berjaya menepati kedua-dua objektif yang ditetapkan dalam pengajaran ini. Pelajar bukan sahaja dapat melibatkan diri secara aktif dengan menggunakan Kod QR (ICT) dalam menguasai topik Kata Adjektif malah dapat mempelajari nilai dan erti bekerjasama dalam aktiviti yang dirancang dan diusahakan oleh guru. Berikut ialah Jadual 1 - Pernyataan Maklum Balas Pelajar bagi Soalan 1.

Jadual 1: Soalan 1 – Pernyataan bagi Maklum Balas Pelajar

NO.	PERNYATAAN
1	Saya dapat pelajari bagaimana Kod QR itu berfungsi.
2	Bagaimana hendak membuat <i>jingle</i> dan mengetahui lebih lanjut tentang buah buahan.
3	Saya dapat belajar bahawa pisang berkhasiat dan mempunyai serat yang tinggi.
4	Bagaimana untuk memasak dan membuat <i>jingle</i> .
5	Kata Adjektif dan khasiat buah-buahan tempatan.

Pernyataan-pernyataan maklum balas pelajar bagi Soalan 1 dalam Jadual (1) telah menunjukkan bahawa para pelajar telah meraih pelbagai pengetahuan melalui pengajaran dan pembelajaran Kata Adjektif. Selain memahami konsep Kata Adjektif, mereka juga diajarkan tentang konsep *Jingle*. Dalam proses pembelajaran ini, guru telah memperkenalkan aktiviti mencipta *Jingle* yang mungkin pertama kali didengari dan dipelajari oleh pelajar. Mereka dicabar untuk menghasilkan sebuah *Jingle* berdasarkan pengetahuan yang baru diraih tentang Kata Adjektif melalui aktiviti Kod QR. Secara langsung, pernyataan maklum balas menyokong objektif yang pertama iaitu '*mengenal pasti keberkesanan penglibatan pelajar*



dalam aktiviti pembelajaran Kata Adjektif melalui penggunaan Kod QR'.

Penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti Kod QR juga dapat dilihat pada pernyataan '*Kata Adjektif dan khasiat buah-buahan tempatan*'. Ini telah memberikan satu petunjuk kepada guru bahawa pelajar dapat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Kata Adjektif serta dapat mendalami pengetahuan tentang buah-buahan tempatan.

Aktiviti dalam Fiesta Buah-Buahan bukan sahaja membuka minda pelajar malah dapat mencetuskan sifat ingin tahu dalam diri pelajar. Ini kerana pernyataan seperti '*Saya dapat pelajari bagaimana Kod QR itu berfungsi*' dan cara menggunakan Kod QR' telah memberi gambaran bahawa penggunaan Kod QR adalah buat pertama kali ianya diperkenalkan kepada pelajar. Oleh yang demikian, jika teretusnya sifat ingin tahu menggunakan Kod QR, maka, secara langsung pelajar akan terlibat secara aktif dalam pembelajaran Kata Adjektif.

Secara keseluruhannya, maka dapat dikatakan bahawa pembelajaran Kata Adjektif melalui penggunaan Kod QR telah membolehkan pelajar meraih pelbagai ilmu beserta dengan penglibatan mereka secara aktif. Antara kemahiran yang diraih dan dikuasai ialah kemahiran memasak, kemahiran mencipta dan kemahiran berfikir.

Pengajaran dan pembelajaran Kata Adjektif melalui Kod QR juga berupaya mencapai objektif yang kedua seperti yang ditetapkan iaitu untuk '*melihat sejauh mana pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan ICT berbentuk Collaborative Learning (CoL) melalui kaedah Pembelajaran Kooperatif bukan sahaja untuk 'menghidupkan suasana pembelajaran di luar bilik darjah' malah untuk menerapkan budaya kerjasama dalam kalangan pelajar*'. Pernyataan Maklum Balas Pelajar bagi Soalan 1 dapat menyokong objektif yang kedua. Berikut ialah Jadual 2 - Pernyataan Maklum Balas Pelajar bagi Soalan 1.



Jadual 2: Soalan 1 – Pernyataan bagi Maklum Balas Pelajar

NO.	PERNYATAAN
1	Saya telah pelajari bahawa kita harus bekerjasama dan harus belajar untuk bersabar.
2	Bekerjasama dan menghormati satu sama lain.
3	Saya dapat pelajari bahawa kerja kumpulan adalah penting untuk kita menyelesaikan sesuatu secara berkumpulan.
4	Saya telah mempelajari bagaimana untuk menjalankan tugas saya sebagai seorang ketua. Saya memastikan ahli kumpulan saya bersepadu dan memberi jawapan.
5	Saya dapat memupuk sikap kerjasama serta saya dapat berinteraksi bersama sama dengan kumpulan saya.

Pernyataan-pernyataan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa aktiviti dalam pengajaran tersebut berjaya menyedarkan dan memupuk kepentingan sikap bekerjasama dalam kumpulan. Sikap bekerjasama amat ketara dalam aktiviti yang berteraskan pada Pembelajaran Kooperatif. Oleh yang demikian, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mengetahui kepentingan nilai kerjasama dan bagaimana sikap ini harus dipupuk dalam diri mereka masing-masing agar kerja kumpulan itu dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Salah satu pernyataan iaitu '*Saya telah mempelajari bagaimana untuk menjalankan tugas saya sebagai seorang ketua*' juga memberi petunjuk kepada guru bahawa aspek kepimpinan juga dipelajari melalui aktiviti tatabahasa bahasa Melayu. Kemahiran seumpama ini amat diperlukan bagi menghadapi cabaran abad ke-21 kelak.

KESIMPULAN

Kesimpulannya ialah pengajaran dan pembelajaran berlandaskan Pembelajaran Kooperatif yang disokong dengan penggunaan alat ICT iaitu Kod QR telah terbukti dapat meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari salah satu konsep tatabahasa bahasa Melayu. Nilai bekerjasama semasa melakukan kerja



berkumpulan amat menyerlah dan ini disokong oleh dapatan maklum balas daripada pelajar. Sehubungan dengan itu juga, penggunaan Kod QR berjaya menarik perhatian pelajar mempelajari Kata Adjektif kerana mereka dapat meneroka fungsi Kod QR di samping meraih ilmu pengetahuan dengan menggunakan alat bantuan ICT ini.

Nota:

Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Farrah Mohd Ghazali
2. Muhd Khairul Moxsin
3. Noraini Washil

RUJUKAN

Melvina C, et al, (2010). *Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak* dlm Jurnal Pendidikan Malaysia 35(1)(2010): 59-65. Universiti Kebangsaan Malaysia: Malaysia.

Slavin, R. (1990). *Cooperative Learning: Theory, Research and Practice*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.

Yahya Othman, et al, (2007). *Aplikasi Komputer dalam Pengajaran Bahasa: Penguasaan Guru dan Kekangan dalam Pelaksanaan* dlm Jurnal 1st International Malaysian Educational Technology Convention 35(1)(2010): 47-54. Universiti Putra Malaysia: Malaysia.

Mahzan Arshad, (2005). *Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan Literasi Bahasa Melayu* dlm Jurnal Masalah Pendidikan (2005): 269-278. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya: Malaysia.

